

Bil. S 19

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI, 2014

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI

3. Penubuhan Institut Pendidikan Teknikal Brunei.
4. Meterai biasa.
5. Tugas.
6. Kuasa.

BAHAGIAN III

LEMBAGA PENGELOLA

7. Lembaga Pengelola.
8. Elaun hendaklah dibayar kepada ahli.
9. Pengosongan jawatan.
10. Pengisian kekosongan.
11. Mesyuarat Lembaga.
12. Pendedahan kepentingan oleh ahli.

13. Kesahan perbuatan ahli.
14. Arahan oleh Menteri.
15. Lantikan jawatankuasa dan pewakilan kuasa.

BAHAGIAN IV

KAKITANGAN

16. Lantikan Ketua Pegawai Eksekutif.
17. Penggajian kakitangan.
18. Perlindungan daripada liabiliti diri.
19. Kakitangan kerajaan.

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN KEWANGAN

20. Tahun kewangan.
21. Bantuan.
22. Kuasa untuk membuat pelaburan.
23. Penyata akaun dan kewangan.
24. Audit.
25. Kuasa juruaudit.
26. Pengemukaan penyata kewangan dan laporan beraudit.
27. Laporan tahunan.

BAHAGIAN VI

AM

28. Lambang Institut.
29. Sekolah.
30. Konvokesyen.

31. Insurans wajib.
32. Kesalahan oleh badan korporat.
33. Pengambilan tanah bagi tujuan Institut.
34. Pemberian kepada Institut dikecualikan dari cukai pendapatan.
35. Pengenaan Penggal 203 kepada badan pelajar.
36. Pemindahan harta dan kakitangan ke Institut.
37. Pengecualian dari duti setem.
38. Peraturan-peraturan.

JADUAL – PEMINDAHAN HARTA, KAKITANGAN DLL. KE INSTITUT

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI, 2014

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Institut Pendidikan Teknikal Brunei, 2014.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah “Suatu Perintah untuk menubuhkan Institut Pendidikan Teknikal Brunei dan bagi maksud-maksud lain yang berkenaan atau berhubungan dengannya”.

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“Lembaga” bermakna Lembaga Pengelola yang ditubuhkan dalam Bahagian III;

“Pengerusi” bermakna Pengerusi Lembaga Pengelola yang dilantik di bawah bab 7(3);

“Ketua Pegawai Eksekutif” bermakna Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik di bawah bab 16 dan termasuk mana-mana pemangku Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik sedemikian di bawah bab 16(3);

“perdagangan atau industri” termasuk apa-apa perdagangan, industri perkilangan atau perkhidmatan, perniagaan atau aktiviti lain yang berkaitan;

“Timbalan Pengerusi” bermakna Timbalan Pengerusi Lembaga Pengelola yang dilantik di bawah bab 7(3);

“Institut” bermakna Institut Pendidikan Teknikal Brunei yang ditubuhkan di bawah bab 3;

“ahli” bermakna seseorang ahli Lembaga Pengelola;

“Menteri” bermakna Menteri Pendidikan;

“peraturan-peraturan” bermakna mana-mana peraturan yang dibuat menurut bab 38;

“kemahiran teknikal” bermakna kemahiran yang diperolehi melalui pendidikan dan latihan teknikal atau cara lain untuk bekerja dalam perdagangan atau industri.

BAHAGIAN II

INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI

Penubuhan Institut Pendidikan Teknikal Brunei.

3. Maka dengan ini ditubuhkan sebuah institut yang dikenali sebagai Institut Pendidikan Teknikal Brunei, yang akan menjadi suatu badan korporat yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meterai biasa dan, dengan nama itu, boleh —

(a) mendakwa dan didakwa;

(b) memperoleh, memiliki, memegang atau melupuskan harta, alih dan juga tak alih; dan

(c) melakukan segala perbuatan lain sebagaimana yang mungkin dilakukan secara sah oleh badan korporat.

Meterai biasa.

4. (1) Institut hendaklah mempunyai suatu meterai biasa dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Institut.

(2) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang menghendaki meterai Institut hendaklah dimeteraikan dengan meterai biasa Institut.

(3) Setiap surat cara yang dibubuh dengan meterai biasa hendaklah ditandatangani oleh seorang ahli dan hendaklah ditandatangan balas oleh Ketua Pegawai Eksekutif atau oleh orang lain yang telah diberi kuasa oleh Lembaga bagi maksud itu, dan penandatanganan tersebut adalah keterangan yang mencukupi bahawa meterai itu telah dibubuh dengan sempurna dan sepatutnya dan bahawa meterai itu adalah meterai Institut yang sah.

Tugas.

5. Tugas-tugas Institut hendaklah termasuk —

- (a) menyediakan, menggalakkan dan mengawal selia kursus-kursus latihan dan pendidikan teknikal bagi melatih orang yang bekerja dalam atau bercadang hendak bekerja dalam perkhidmatan awam dan perdagangan atau industri;
- (b) meningkatkan kemahiran teknikal tenaga kerja melalui pendidikan dan latihan berterusan;
- (c) mengawal selia dan menggalakkan latihan dan pendidikan berasaskan industri dalam kemahiran teknikal;
- (d) mengawal selia pensijilan dan standard kemahiran teknikal;
- (e) menggalakkan dan menyediakan perkhidmatan pakar rungging bagi latihan dan pendidikan dalam kemahiran teknikal; dan
- (f) menggalakkan penyelidikan dalam latihan dan pendidikan dalam kemahiran teknikal.

Kuasa.

6. Institut boleh, bagi maksud melaksanakan tugas-tugasnya —

- (a) mengadakan peruntukan bagi dan mengawal selia dalam mengadakan peperiksaan, pemberian anugerah, sijil dan kelulusan lain untuk memperoleh kemahiran, kecekapan dan pencapaian teknikal;
- (b) mengadakan kemudahan bagi penyediaan latihan dan pendidikan dalam kemahiran teknikal;
- (c) bekerjasama dengan dan membantu mana-mana orang dalam menyediakan dan menggalakkan latihan dan pendidikan dalam kemahiran teknikal dan program dan skim perantisan;
- (d) memberikan nasihat profesional dan perkhidmatan kepakaran dan pakar rungging lain kepada mana-mana orang yang terlibat dalam menyediakan dan menggalakkan latihan dan pendidikan dalam kemahiran teknikal;
- (e) menjalankan apa-apa perdagangan atau perniagaan sama ada dengan orang lain atau oleh Institut itu sendiri bagi tujuan menyediakan latihan kepada orang yang bekerja atau bercadang hendak bekerja dalam perdagangan atau industri;



(f) menubuhkan atau menyertai dalam penubuhan syarikat-syarikat yang mempunyai matlamat-matlamat sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Menteri;

(g) memperoleh, menyewa, mendapatkan, membina, mendirikan, membangunkan, membuat, mengendalikan, menyelenggarakan dan membaiki mana-mana harta sama ada alih atau tak alih yang dikehendaki oleh Institut bagi maksud-maksud Perintah ini;

(h) dengan kebenaran Menteri, melupuskan, menyerahkan balik atau menjual mana-mana harta tak alih;

(i) mengenakan dan memungut yuran, kadar bayaran atau caj bagi latihan dan perkhidmatan lain, penggunaan kemudahan dan pengendalian aktiviti sebagaimana yang mungkin dianggap wajar oleh Institut;

(j) meminta dan menerima derma dan sumbangan daripada mana-mana sumber atau mendapatkan dana dengan segala cara yang sah;

(k) memberi derma dan sumbangan kepada mana-mana orang atau organisasi;

(l) mengawal selia dan mengadakan peruntukan bagi kebajikan dan tata tertib pekerja dan pelajar Institut;

(m) memeriksa, meluluskan dan mendaftarkan institut latihan yang menjalankan atau bercadang hendak menjalankan kursus-kursus latihan dalam kemahiran teknikal;

(n) memberi sokongan dan bantuan kewangan bagi apa-apa kerja penyelidikan yang berhubungan dengan latihan dan pendidikan dalam kemahiran teknikal;

(o) menggalakkan atau menjalankan publisiti dalam apa-apa bentuk; dan

(p) melakukan semua perkara lain yang bersampingan dengan, atau perlu bagi, pencapaian tugas-tugasnya.

BAHAGIAN III

LEMBAGA PENGELOLA

Lembaga Pengelola.

7. (1) Hendaklah ada Lembaga Pengelola Institut yang akan menjadi badan eksekutif Institut dan boleh menjalankan semua kuasa yang diberikan kepada Institut di bawah Perintah ini.

(2) Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut —

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) Ketua Pegawai Eksekutif;
- (d) sebilangan ahli lain, tidak kurang daripada sembilan atau lebih daripada lapan belas orang, yang mewakili perkhidmatan awam dan swasta.

(3) Ahli-ahli Lembaga, kecuali Ketua Pegawai Eksekutif, hendaklah dilantik oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi tempoh selama 3 tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

(4) Timbalan Pengerusi boleh, tertakluk kepada arahan sebagaimana yang mungkin diberikan oleh Pengerusi, menjalankan semua atau mana-mana kuasa yang boleh dijalankan oleh Pengerusi di bawah Perintah ini.

(5) Menteri boleh melantik seseorang untuk menjadi ahli sementara semasa seseorang ahli itu tidak berada di Negara Brunei Darussalam, atau tidak berupaya kerana sakit atau pun selainnya.

(6) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, pada bila-bila masa membatalkan lantikan seseorang ahli tanpa memberikan apa-apa sebabnya.

(7) Seseorang ahli boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Menteri.

Elaun hendaklah dibayar kepada ahli.

8. Hendaklah dibayar kepada ahli-ahli dari dana Institut elaun-elaun sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri.

Pengosongan jawatan.

9. Jawatan seseorang ahli hendaklah dikosongkan jika ahli itu —

- (a) menjadi bercelaru mental dan tidak berupaya mengurus dirinya sendiri atau hal ehwalnya;
- (b) dihukum menjadi bankrap;
- (c) disabitkan atas suatu kesalahan yang melibatkan ketidakjujuran atau fraud;

(d) gagal hadir, tanpa kebenaran Lembaga, tiga mesyuarat Lembaga berturut-turut; atau

(e) meletakkan jawatannya.

Pengisian kekosongan.

10. (1) Jika kekosongan berlaku dalam keahlian Lembaga, Menteri boleh melantik mana-mana orang untuk mengisikan kekosongan itu dan orang yang dilantik itu hendaklah memegang jawatan bagi tempoh selebihnya dari tempoh lantikan ahli yang digantikannya itu.

(2) Jika ahli yang seseorang itu dilantik bagi menggantikannya di bawah ceraian (1) adalah wakil seseorang atau golongan orang, ahli yang dilantik itu hendaklah wakil kepada orang atau golongan orang yang sama.

Mesyuarat Lembaga.

11. (1) Pengerusi hendaklah memanggil mesyuarat seberapa kerap yang mungkin dikehendaki.

(2) Dalam setiap mesyuarat Lembaga, satu pertiga daripada bilangan ahli-ahli hendaklah membentuk *korum*.

(3) Keputusan dalam mesyuarat Lembaga hendaklah diterima dengan kelebihan undi ahli-ahli yang hadir dan mengundi, kecuali sekiranya terdapat persamaan undi Pengerusi atau sekiranya Pengerusi tidak hadir Timbalan Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(4) Pengerusi atau sekiranya Pengerusi tidak hadir Timbalan Pengerusi hendaklah mempengaruhi mesyuarat Lembaga.

(5) Lembaga tidak boleh dihalang dari mengadakan mesyuarat atau bertindak dalam apa-apa perkara semata-mata oleh sebab sebarang kekosongan dalam keahliannya.

(6) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, Lembaga boleh mengawal selia prosedurnya sendiri.

Pendedahan kepentingan oleh ahli.

12. (1) Seseorang ahli yang, secara langsung atau tidak langsung, mempunyai kepentingan dalam suatu kontrak yang dibuat, atau dicadangkan hendak dibuat, oleh Lembaga atau apa-apa perkara lain sebelum mana-mana mesyuarat Lembaga, hendaklah mendedahkan jenis kepentingannya dalam mesyuarat pertama Lembaga yang dihadirinya setelah fakta-fakta yang berkaitan sampai kepada pengetahuannya.

(2) Suatu pendedahan di bawah ceraian (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga dan, selepas pendedahan tersebut, ahli itu —

(a) tidak boleh mengambil bahagian dalam sebarang perbahasan atau perbincangan, dan tidak boleh mengundi mengenai apa-apa persoalan berkenaan dengan, kontrak atau perkara lain itu; dan

(b) tidak akan diambil kira bagi maksud membentuk *korum* Lembaga bagi perbahasan atau perbincangan atau undi itu, mengikut mana yang berkenaan.

(3) Tiada perbuatan atau prosiding Lembaga boleh dipersoalkan atas alasan bahawa seseorang ahli telah melanggar bab ini.

Kesahan perbuatan ahli.

13. Perbuatan seseorang ahli adalah sah walaupun terdapat sebarang kecacatan yang mungkin didapati selepas itu dalam lantikan atau kelayakannya.

Arahan oleh Menteri.

14. (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga, memberikan arahan am yang tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini tentang dasar yang akan diikuti oleh Institut dalam menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini yang pada pendapat Menteri diperlukan dan Institut hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, melaksanakan apa-apa arahan tersebut.

(2) Lembaga hendaklah memberi kepada Menteri maklumat berhubung dengan perjalanan kuasa-kuasa dan tugas-tugasnya mengikut cara dan pada masa sebagaimana yang mungkin dikehendaki dengan munasabah oleh Menteri.

Lantikan jawatankuasa dan pewakilan kuasa.

15. (1) Lembaga boleh, atas budi bicaranya, melantik sebilangan jawatankuasa yang terdiri daripada ahli-ahli, atau orang lain, atau ahli-ahli dan orang lain, bagi maksud-maksud yang, pada pendapat Lembaga, akan dapat dikawal selia dan diurus dengan lebih baik lagi melalui jawatankuasa-jawatankuasa tersebut.

(2) Lembaga boleh, tertakluk kepada syarat-syarat atau sekatan-sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut, mewakilkan kepada mana-mana jawatankuasa itu, Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau Ketua Pegawai Eksekutif, semua atau mana-mana kuasa, tugas dan kewajipan yang menurut Perintah ini terletak hak pada Institut, dan suatu kuasa, tugas atau kewajipan yang diwakilkan itu boleh dijalankan atau dilaksanakan oleh jawatankuasa tersebut, Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau Ketua Pegawai Eksekutif, mengikut mana yang berkenaan, atas nama dan bagi pihak Institut.

(3) Lembaga boleh, tertakluk kepada syarat-syarat atau sekatan-sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut, mewakilkan kepada mana-mana pekerja Institut semua atau mana-mana kuasa, tugas dan kewajipan yang menurut Perintah ini terletak hak pada Institut, dan suatu kuasa, tugas atau kewajipan yang diwakilkan itu boleh dijalankan atau dilaksanakan oleh pekerja tersebut atas nama dan bagi pihak Institut.

(4) Institut boleh terus menjalankan suatu kuasa yang diberikan kepadanya, atau melaksanakan suatu tugas atau kewajipan di bawah Perintah ini, walaupun kuasa, tugas atau kewajipan itu diwakilkan di bawah bab ini.

BAHAGIAN IV

KAKITANGAN

Lantikan Ketua Pegawai Eksekutif.

16. (1) Menteri hendaklah, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah —

(a) bertanggungjawab kepada Lembaga bagi pentadbiran dan pengurusan Institut yang sepatutnya menurut dasar yang ditetapkan oleh Lembaga;

(b) dikenali dengan nama jawatan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga; dan

(c) tidak boleh dipecat daripada jawatan tanpa persetujuan Menteri.

(3) Jika Ketua Pegawai Eksekutif tidak berada buat sementara di Negara Brunei Darussalam atau menjadi tidak berupaya buat sementara oleh sebab sakit atau kerana sebab lain tidak dapat melaksanakan buat sementara kewajipan-kewajipannya, mana-mana orang boleh dilantik oleh Lembaga untuk bertindak bagi menggantikan Ketua Pegawai Eksekutif dalam mana-mana tempoh dia tidak hadir bertugas itu.

Penggajian kakitangan.

17. Institut boleh, tertakluk kepada arahan sebagaimana yang mungkin diberikan oleh Menteri, melantik sebilangan pekerja atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Institut.

Perlindungan daripada liabiliti diri.

18. Tiada guaman atau prosiding undang-undang lain boleh diambil terhadap mana-mana ahli atau mana-mana pekerja Institut atau orang lain yang bertindak di bawah arahan Institut kerana apa-apa jua yang dilakukan dengan suci hati atau dimaksudkan hendaklah dilakukan pada melaksanakan atau dikatakan pada melaksanakan Perintah ini.

Kakitangan kerajaan.

19. Semua ahli dan pekerja Institut hendaklah dianggap sebagai kakitangan kerajaan dalam makna Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN KEWANGAN

Tahun kewangan.

20. Tahun kewangan Institut hendaklah bermula pada 1hb April setiap tahun dan berakhir pada 31hb Mac tahun berikutnya.

Bantuan.

21. (1) Menteri Kewangan hendaklah menyebabkan supaya dibayar kepada Institut wang-wang sebagaimana yang mungkin diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa sebagai bantuan kepada Institut.

(2) Semua wang yang dibayar kepada Institut di bawah ceraian (1) hendaklah digunakan atau dibelanjakan oleh Institut bagi semua atau mana-mana tujuan Institut.

Kuasa untuk membuat pelaburan.

22. Tertakluk kepada apa-apa arahan am atau khas sebagaimana yang mungkin dikeluarkan oleh Menteri, Institut boleh —

(a) melaburkan wang-wangnya mengikut cara sebagaimana yang difikirkannya patut; dan

(b) melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti kewangan atau mengambil bahagian dalam apa-apa penyusunan kewangan bagi maksud mengurus atau melindungi dari apa-apa risiko kewangan yang timbul atau mungkin timbul dari pelaburan tersebut.

Penyata akaun dan kewangan.

23. (1) Institut hendaklah menyimpan akaun dan rekod transaksi dan urusannya yang betul dan hendaklah melakukan semua perkara yang perlu untuk memastikan bahawa semua pembayaran dari wang-wangnya dibuat dengan betul dan dibenarkan dengan sewajarnya dan bahawa kawalan yang mencukupi diselenggarakan ke atas aset, atau dalam jagaan, Institut dan ke atas perbelanjaan yang dilakukan olehnya.

(2) Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas penutup setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya penyata kewangan bagi tahun itu disediakan dan dikemukakan kepada juruaudit Institut.

Audit.

24. (1) Penyata akaun dan kewangan Institut hendaklah diaudit pada setiap tahun oleh —

(a) Juruaudit Agung, atau

(b) mana-mana orang yang telah dibenarkan untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh Akta Syarikat (Penggal 39) untuk dilaksanakan oleh seorang juruaudit, yang akan dilantik pada setiap tahun oleh Lembaga:

Dengan syarat bahawa jika akaun Institut telah diaudit oleh seseorang yang dilantik di bawah perenggan kecil (b), akaun itu boleh disahkan oleh Juruaudit Agung sebelum akaun itu dikemukakan kepada Menteri Kewangan menurut bab 26(1).

(2) Juruaudit itu hendaklah dalam laporannya menyatakan —

(a) sama ada penyata kewangan itu menunjukkan dengan betul transaksi kewangan dan keadaan urusan Institut;

(b) sama ada rekod perakaunan yang betul dan rekod lain telah disimpan, termasuk rekod semua aset Institut sama ada dibeli, didermakan atau pun selainnya;

(c) sama ada wang masuk, perbelanjaan dan pelaburan wang dan pemerolehan dan pelupusan aset oleh Institut dalam tahun kewangan adalah menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini; dan

(d) perkara lain yang timbul dari audit sebagaimana yang dianggapnya perlu.

Kuasa juruaudit.

25. (1) Juruaudit itu atau mana-mana orang yang dibenarkan olehnya adalah berhak pada setiap masa yang munasabah untuk mendapat akses penuh dan bebas kepada semua rekod perakaunan dan rekod lain berkenaan dengan, secara langsung atau tidak langsung, transaksi kewangan Institut.

(2) Juruaudit itu atau seseorang yang dibenarkan olehnya boleh membuat salinan, atau membuat cabutan dari, mana-mana rekod perakaunan dan rekod lain tersebut.

(3) Juruaudit itu atau mana-mana orang yang dibenarkan olehnya boleh menghendaki mana-mana orang untuk memberi kepadanya maklumat yang dimiliki atau dapat diakses oleh orang itu sebagaimana yang dianggap perlu oleh juruaudit itu atau mana-mana orang yang telah dibenarkan bagi maksud menjalankan tugas-tugas juruaudit itu di bawah Perintah ini.

(4) Mana-mana orang yang enggan atau gagal tanpa sebab yang munasabah untuk memberi akses kepada juruaudit itu kepada mana-mana rekod perakaunan dan rekod lain Institut dalam jagaan atau kuasanya atau untuk memberi apa-apa maklumat yang dimilikinya apabila dan jika dikehendaki atau mana-mana orang yang selainnya menghalang, mengadang atau melengahkan juruaudit itu dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000 dan, dalam hal suatu kesalahan berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$100 bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Pengemukaan penyata kewangan dan laporan beraudit.

26. (1) Sebaik sahaja akaun Institut dan penyata kewangan telah diaudit menurut Perintah ini, satu salinan akaun dan penyata kewangan beraudit yang ditandatangani oleh pengurus, berserta dengan satu salinan laporan yang dibuat oleh juruaudit itu, hendaklah dikemukakan kepada Menteri Kewangan.

(2) Jika Juruaudit Agung tidak dilantik sebagai juruaudit, satu salinan penyata kewangan beraudit dan apa-apa laporan yang dibuat oleh juruaudit itu hendaklah dikemukakan kepada Juruaudit Agung pada masa yang sama dengan masa ia dihadapkan kepada Lembaga.

(3) Menteri hendaklah menyebabkan supaya satu salinan penyata kewangan beraudit dan laporan juruaudit itu dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Laporan tahunan.

27. Institut hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas penghujung setiap tahun kewangan, mengemukakan kepada Menteri suatu laporan tahunan mengenai aktiviti-aktiviti Institut dalam tahun kewangan yang lalu, dan Menteri hendaklah menyebabkan supaya satu salinan setiap laporan tahunan itu dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

BAHAGIAN VI

AM

Lambang Institut.

28. (1) Institut hendaklah mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan lambang, reka bentuk atau gambaran sebagaimana yang mungkin dipilih atau dibuatnya berhubung dengan aktiviti-aktiviti atau urusannya.

(2) Mana-mana orang atau badan korporat yang menggunakan suatu lambang, reka bentuk atau gambaran yang sama dengan lambang, reka bentuk atau gambaran yang digunakan oleh Institut atau menyerupai lambang, reka bentuk atau gambaran Institut sehingga memperdayakan atau menyebabkan kekeliruan atau mungkin memperdayakan atau menyebabkan kekeliruan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$2,000.

Sekolah.

29. Institut hendaklah dibahagikan kepada sebilangan dan nama-nama sekolah sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga.

Konvokesyen.

30. Konvokesyen bagi pengurniaan anugerah, sijil dan kelulusan lain hendaklah diadakan pada setiap tahun, atau dengan seberapa kerap sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, pada tarikh sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Lembaga.

Insurans wajib.

31. Institut boleh menghendaki supaya mana-mana orang yang menghadiri apa-apa kursus atau menggunakan apa-apa kemudahan yang disediakan atau dibenarkan oleh Institut, diinsuranskan daripada kecederaan diri dan kehilangan nyawa.

Kesalahan oleh badan korporat.

32. Jika suatu kesalahan terhadap Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dilakukan oleh suatu badan korporat dan terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan apa-apa perbuatan atau keingkaran di pihak, mana-mana pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya badan korporat itu, atau mana-mana orang yang dikatakan bertindak dalam mana-mana jawatan tersebut, dia, dan juga badan korporat itu, adalah melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

Pengambilan tanah bagi tujuan Institut.

33. (1) Jika apa-apa harta tak alih, yang bukan tanah Kerajaan, diperlukan bagi tujuan Institut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh mengarahkan supaya harta itu diambil, dan dalam hal tersebut harta itu boleh diambil menurut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan pengambilan tanah bagi tujuan awam dan apa-apa pengisytiharan yang dikehendaki di bawah sebarang undang-undang bertulis tersebut bahawa harta itu diperlukan demikian boleh dibuat walaupun pampasan akan dibayar dari dana Institut, dan pengisytiharan tersebut hendaklah berkuat kuasa seolah-olah ia adalah suatu pengisytiharan bahawa tanah itu diperlukan bagi tujuan awam yang dibuat menurut undang-undang bertulis tersebut.

(2) Perbelanjaan dan pampasan berkaitan dengan apa-apa harta tak alih yang diambil di bawah ceraian (1) hendaklah dibayar oleh Institut atau dari dana yang diperuntukkan oleh Kerajaan kepada Institut bagi tujuan itu.

(3) Semua tanah Kerajaan yang diberikan atau harta tak alih yang diambil di bawah bab ini hendaklah terletak hak pada Institut, dan suatu catatan bagi maksud itu dalam daftar yang berkenaan hendaklah dibuat oleh pihak berkuasa pendaftar yang berkaitan.

Pemberian kepada Institut dikecualikan dari cukai pendapatan.

34. Institut hendaklah dianggap sebagai sebuah institusi khairat bagi maksud-maksud bab 10(1)(f) dari Akta Cukai Pendapatan (Penggal 35).

Pengenaan Penggal 203 kepada badan pelajar.

35. (1) Dengan tidak menghiraukan apa-apa jua yang bertentangan dalam Akta Pertubuhan (Penggal 203), peruntukan-peruntukan Akta itu hendaklah berkuat kuasa berkenaan dengan persatuan pelajar Institut dan badan-badan konstituennya.

(2) Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, mengecualikan persatuan pelajar Institut dan mana-mana badan konstituennya dari semua atau mana-mana peruntukan Akta Pertubuhan (Penggal 203) tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam Perintah ini.

Pemindahan harta dan kakitangan ke Institut.

36. Peruntukan-peruntukan Jadual hendaklah berkuat kuasa bagi tujuan pemindahan harta dan kakitangan Kerajaan ke Institut dan bagi maksud-maksud peralihan lain yang dinyatakan dalam Jadual itu.

Pengecualian dari duti setem.

37. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan perintah mengecualikan dari peruntukan-peruntukan bab 3 dari Akta Setem (Penggal 34) apa-apa surat cara yang disempurnakan oleh Lembaga bagi pihak Institut.

Peraturan-peraturan.

38. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat apa-apa peraturan sebagaimana yang diperlukan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan makna ceraian (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi semua atau mana-mana perkara yang berikut —

(a) pengutipan yuran, kadar bayaran atau caj dan pemberian biasiswa dan bantuan kewangan lain kepada orang yang menghadiri latihan dan pendidikan dalam kemahiran teknikal;

(b) pengawalseliaan dan pendaftaran Institut latihan;

(c) pengawalseliaan peperiksaan atau ujian yang dijalankan oleh mana-mana orang bagi pensijilan kemahiran teknikal;

(d) pendaftaran perantis dan pengendalian dan penyeliaan serta pengawalseliaan program dan skim perantisan; dan

(e) lantikan, kenaikan pangkat, kelakuan, kawalan tatatertib, pemecatan dan penamatan perkhidmatan pekerja Institut.

**JADUAL
(bab 36)**

PEMINDAHAN HARTA, KAKITANGAN DLL. KE INSTITUT

Tafsiran.

1. Dalam Jadual ini, “tarikh yang ditetapkan” bermakna tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Pemindahan harta, aset dan liabiliti ke Institut.

2. (1) Mulai dari tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, semua tanah, bangunan dan harta lain, alih atau tak alih, hak kepentingan, keistimewaan, obligasi dan liabiliti yang terletak hak pada, kepunyaan atau ditanggung oleh Kerajaan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, hendaklah dipindahkan ke dan terletak hak pada Institut tanpa jaminan lanjut.

(2) Jika apa-apa persoalan timbul tentang harta, alih atau tak alih, telah dipindahkan ke dan terletak hak pada Institut di bawah perenggan kecil (1), suatu perakuan yang ditandatangani oleh Menteri adalah keterangan muktamad mengenai perletakan hak harta itu pada Institut.

Kontrak sedia ada.

3. Segala surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan penyusunan kerja yang ada sejurus sebelum tarikh yang ditetapkan yang menyentuh tanah, bangunan dan harta lain, alih atau tak alih, yang dipindahkan di bawah perenggan 2 atau mana-mana pekerja Kerajaan yang dipindahkan ke perkhidmatan Institut di bawah perenggan 5 hendaklah mempunyai kuatkuasa dan kesan penuh terhadap atau untuk faedah Institut dan boleh dikuatkuasakan sepenuhnya dan sesungguhnya seolah-olah, sebagai ganti Kerajaan, Institut telah dinamakan di dalamnya atau adalah suatu pihak kepadanya.

Prosiding belum selesai.

4. Apa-apa prosiding atau alasan tindakan yang belum selesai atau wujud sejurus sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini oleh atau terhadap Kerajaan berkaitan dengan tanah, bangunan dan harta lain, alih atau tak alih, yang dipindahkan di bawah perenggan 2 dan hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang berhubung atau bersangkutan dengannya boleh diteruskan dan dikuatkuasakan oleh atau terhadap Institut sebagaimana ia mungkin diteruskan dan dikuatkuasakan oleh atau terhadap Kerajaan seolah-olah Perintah ini belum diperbuat.

Pemindahan kakitangan.

5. (1) Pada tarikh yang ditetapkan —

(a) semua orang yang, sejurus sebelum tarikh itu, menjadi ahli kakitangan pengajar Kerajaan hendaklah menjadi ahli kakitangan pengajar Institut; dan

(b) semua orang lain yang, sejurus sebelum tarikh itu, diambil bekerja dalam apa-apa jawatan oleh Kerajaan hendaklah menjadi pekerja Institut,

atas terma-terma yang tidak kurang baiknya dari terma-terma yang mereka nikmati sejurus sebelum mereka dipindahkan ke perkhidmatan Institut.

(2) Sehingga masa apabila skim dan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan disediakan oleh Institut, tiap-tiap orang yang disebut dalam perenggan kecil (1), hendaklah memegang jawatan atau terus memegang jawatan atas terma-terma dan syarat-syarat yang sama yang ditentukan oleh lantikannya sejurus sebelum tarikh yang ditetapkan; dan perkhidmatan orang itu sebagai ahli kakitangan pengajar atau pekerja Kerajaan hendaklah dianggap sebagai perkhidmatan ahli kakitangan pengajar atau pekerja Institut.

(3) Jika mana-mana orang yang dipindahkan ke perkhidmatan Institut di bawah perenggan kecil (1) adalah pencarum di bawah Akta Tabung Amanah Pekerja (Penggal 167), dia hendaklah bagi maksud-maksud Akta itu, terus membuat caruman di bawah Akta itu seolah-olah dia belum dipindahkan ke perkhidmatan Institut; dan bagi maksud-maksud Akta itu, perkhidmatannya dengan Institut hendaklah dianggap sebagai perkhidmatan dengan Kerajaan dan Institut hendaklah mempunyai hak untuk membuat potongan dari gaji orang itu yang akan dibayar sebagai caruman di bawah Akta itu.

(4) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Akta Pencen (Penggal 38), mana-mana orang yang —

(a) sebelum tarikh yang ditetapkan merupakan seorang kakitangan Kerajaan;

(b) di bawah terma-terma dan syarat-syarat pemindahannya ke Institut daripada Kerajaan berhak mendapat manfaat tertentu di bawah Akta Pencen (Penggal 38); dan

(c) dipindahkan ke perkhidmatan Institut di bawah perenggan kecil (1),

adalah berhak mendapat manfaat tersebut.

Penerusan dan penyelesaian prosiding tatatertib.

6. (1) Jika pada tarikh yang ditetapkan, apa-apa prosiding tatatertib terhadap mana-mana orang yang dipindahkan ke perkhidmatan Institut di bawah perenggan 5 belum selesai di hadapan pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan, prosiding terhadap orang itu hendaklah diambil dan diteruskan di bawah dan dengan menepati peruntukan-peruntukan Perintah ini selaras mana yang boleh; tetapi jika pada tarikh itu apa-apa perkara dalam masa didengar atau disiasat oleh pihak berkuasa itu atau telah didengar atau disiasat oleh pihak berkuasa itu, tetapi tiada perintah atau keputusan dibuat mengenainya, pihak berkuasa itu hendaklah terus wujud, walaupun terdapat Perintah ini, bagi maksud menyelesaikan pendengaran atau penyiasatan itu dan pembuatan suatu perintah atau keputusan, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Bagi maksud-maksud menyelesaikan suatu pendengaran atau penyiasatan di hadapanya, atau membuat suatu perintah atau memberikan suatu keputusan mengenai suatu perkara yang didengar atau disiasat sebelum tarikh yang ditetapkan, pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan hendaklah menyelesaikan pendengaran atau penyiasatan itu menurut kuasa yang terletak hak pada pihak berkuasa itu sejurus sebelum tarikh itu dan membuat perintah, keputusan atau arahan sebagaimana yang mungkin dibuat oleh pihak berkuasa itu di bawah autoriti yang terletak hak padanya sejurus sebelum tarikh itu.

(3) Apa-apa perintah, keputusan atau arahan yang dibuat atau diberikan oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan menurut perenggan ini hendaklah dimasukkan sebagai suatu perintah, keputusan atau arahan Institut dan hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan yang sama seolah-olah ia telah dibuat atau diberikan oleh Institut menurut autoriti yang terletak hak pada Institut di bawah Perintah ini.

Pelajar.

7. Tiap-tiap orang yang menjadi pelajar di bawah institusi pendidikan Kerajaan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, hendaklah dipindahkan ke Institut atas terma-terma yang tidak kurang baiknya dari terma-terma yang mereka nikmati sejurus sebelum mereka dipindahkan.

Penyelenggaraan sekolah.

8. Mana-mana sekolah yang ditubuhkan dan diselenggarakan oleh Kerajaan sejurus sebelum tarikh permulaan kuat kuasa hendaklah diteruskan dan diselenggarakan oleh Institut seolah-olah Perintah ini telah dikuatkuasakan apabila sekolah itu ditubuhkan.

Badan pelajar.

9. Badan-badan pelajar yang ditubuhkan dan wujud sejurus sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah pada tarikh itu dianggap sebagai telah ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan (Penggal 203) dan semua orang yang sejurus sebelum tarikh itu menjadi ahli badan-badan pelajar hendaklah pada tarikh itu dianggap telah menjadi ahli badan-badan pelajar Institut.

Peruntukan-peruntukan peralihan.

10. (1) Apa-apa jua yang dilakukan atau apa-apa lantikan yang dibuat bagi, oleh atau bagi pihak pihak berkuasa Kerajaan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah, pada dan selepas tarikh itu, dianggap sebagai telah dibuat bagi, oleh atau bagi pihak Institut.

(2) Sehingga masa apabila tajuk-tajuk sijil disediakan oleh Institut, tajuk-tajuk sijil tiap-tiap pelajar yang dipindahkan ke Institut dari Kerajaan hendaklah terus sah.

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 26 haribulan April, 2014 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM